

**KUALA LANGAT. SEPANG**

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920 / 019-6680275

# Kes kanak-kanak hilang selesai

**Polis sahkan mangsa ditemui di sebuah rumah anak yatim**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING

**M**isteri kehilangan seorang kanak-kanak berusia 6 tahun di Kanchong Darat, di sini, yang tular di media sosial kelmarin terjawab selepas mangsa ditemui di sebuah rumah anak yatim di kawasan berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman berkata, Qaseh Nur Alicia Muhammad Erwan, 6, ditemui oleh kakak tirinya yang di sebuah masjid berhampiran rumah anak yatim berkenaan.

"Ibu mangsa menghantarnya untuk mengikuti latihan bola jaring di Sekolah Kebangsaan Kanchong Darat, namun mangsa berjalan keluar dari kawasan sekolah selepas gagal menemui rakan-rakannya.

"Dia tunggu ibunya di masjid itu,"katanya,semalam.

Azizan berkata, mangsa telah dibawa kepada guru sekolah yang juga tenaga pengajar di pusat asnaf itu.



Katanya, mangsa dalam keadaan baik dan tiada sebarang kecederaan dan telah diserahkan semula kepada ibunya.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKKD, Sudirman Ismon berkata, kes itu dianggap selesai selepas

**Kes ini selesai dan kanak-kanak terbabit telah dibawa pulang ke pangkuan keluarganya.**

- Azizan

kanak-kanak yang hilang dijumpai semula dalam masa 24 jam.

Katanya, kejadian itu, turut membimbangkan semua pihak terutama pihak sekolah.

"Bagaimanapun, kes ini selesai dan kanak-kanak terbabit telah dibawa pulang ke pangkuan keluarganya,"katanya.

Budak hilang d sekolah rendah kebangsaan kacong darat.dr 8am sehingga skg ni..masih tidak muncul lagi..

5:54 PM

Qaseh nur Alicia binti Muhammad erwan

5:54 PM



Gambar Qaseh Nur Alicia yang tular di media sosial, kelmarin.

## Gangguan Perkhidmatan kaunter hasil

**BANTING** - Sistem Pembayaran dan Semakan Cukai Tanah, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat berdepan dengan gangguan untuk sementara waktu.

Melalui status di laman sosial Facebook Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat memaklumkan pihaknya sedang dalam proses migrasi di mana sebarang urusan semakan dan bayaran cukai tanah di pejabat

daerah ditangguhkan sehingga diberitahu kelak.

"Walaupun bagaimanapun pembayaran cukai tanah boleh dilakukan di pejabat pos dan 'Online Banking'.

"Manakala bayaran bagi urusniaga, bukan urusniaga dan akauntan negara boleh dilakukan seperti biasa," katanya.

## Himpunan motosikal terbesar di Morib

**MORIB** - Orang ramai dipelawa hadir menyaksikan dengan lebih dekat perhimpunan motosikal terbesar sempena Retromania Grand Gathering 2018 Edisi Ke-6 nanti.

Program yang dianjurkan di Dataran

Pantai Morib pada 28 hingga 29 April 2018 ini bakal menyaksikan peminat motosikal di seluruh negara menunjukkan kepakaran mereka dalam bidang motosikal.

Pelbagai aktiviti bakal diadakan untuk pengunjung dalam memeriahkan program.

## Pasang bendera bukan tanda sokongan sebenar pengundi

**KUALA LANGAT** - Tiada isu sama ada perang bendera berlaku atau tidak di sebarang kawasan.

Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, walaupun bendera sedang rancang dipasang di seluruh Parlimen Kuala Langat termasuk di kawasan kampung dan bandar ia masih tidak menggambarkan sokongan sebenar pengundi.

"Saya akuihah terdapat perbezaan gerakan yang dilakukan di mana bendera BN di pasang oleh bukan sahaja penyokong tetapi turut menetapkan syarat untuk menjadi jentera adalah pengundi.

"Sokongan sebenar bukan pada kibaran bendera tetapi tak boleh dinafikan ia mempengaruhi pengundi atas pagar,"katanya kepada Sinar Harian.



SULAIMAN

Beliau menyifatkan dalam kemeriahan kibaran bendera di pelbagai kawasan, ia sebagai usaha memberitahu manfaat yang dibawa oleh kerajaan.

Katanya, paling tidakpun mereka perlu memberi maklumat positif mengenai budaya tsunami Melayu yang tular didakwa bakal berlaku.

"Bagi saya ketika zaman Tun Mahathir lagi waktu itu pengundi Cina dan India merupakan penyokong kuat BN.

"Jadi, kalau nak kata budaya tsunami Melayu tu tak berapa sesuai sebab dari dahulu lagi sokongan semua bangsa tetap ada,"katanya.

Beliau turut memberitahu, beberapa siri jelajah ke pusat daerah mengundi sedang giat dijalankan dalam usaha memberi informasi terkini kepada rakyat.

## Air Selangor kesan sambungan haram tapak projek MRT

**KUALA LUMPUR** - Sebuah tapak projek laluan MRT di Kepong di sini dikesan melakukan sambungan haram bekalan air terawat yang menyebabkan kerugian lebih RM257,000 kepada pihak Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor).

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya

telah menerima aduan daripada orang ramai akan perbuatan itu sejak dua minggu lalu.

"Siasatan mendapati terdapat dua sambungan bekalan air secara haram daripada paip utama Air Selangor yang terletak berhampiran lokasi tapak pembinaan.

"Paip itu menyalurkan bekalan air ke tapak pembinaan bagi tujuan kegunaan kerja-kerja pembinaan dan aktiviti harian pekerja," kata-

nya dalam sidang media, di sini, semalam.

Air Selangor yang menjalankan serbuan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) terhadap kontraktor binaan itu selain memotong sambungan haram. -Bemama



Ceramah mengenai pilihanraya di beberapa daerah mengundi sedang giat dijalankan.